

ALIRAN AL-MATURIDI DAN AL-MATURIDIYYAH DALAM DUNIA ISLAM

Oleh
Wan Z. Kamaruddin bin Wan Ali*

Abstract

As the title indicates, the aim of this article is to discuss the establishment of al-Maturidi and al-Maturidiyyah sect in the muslim world. As far as the topics are concerned, they will be in two parts. First part will deal with the background of al-Maturidi and al-Maturidiyyah and their thoughts as compared to al-Asy'ari and al-Asya'irah, whereas the second part will stress on its development and impact to the muslim people in the muslim world.

PENDAHULUAN

Dalam bidang akidah dan pemikiran Islam, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah mempunyai dua aliran (*madhhab*), yang masing-masing mempunyai pengikutnya yang tersendiri. Aliran-aliran tersebut ialah al-Maturidi dan al-Maturidiyyah dan juga aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah. Kedua-duanya mempunyai kedudukan, kepentingan dan pengaruh yang besar kepada dunia Islam secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, tulisan ini secara khusus akan membincangkan aliran pemikiran al-Maturidi dan al-Maturidiyyah dengan tujuan untuk melihat perkembangan, pengaruh dan kesannya dalam dunia Islam.

LATAR BELAKANG AL-MATURIDI

Nama al-Maturidi yang sebenar ialah Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud, al-Maturidi, al-Ansari, al-Hanafi, al-Samarqandi. Beliau lahir di Maturit atau Maturid,¹ sebuah kawasan yang berdekatan dengan Samarqand, salah

*Pensyarah di Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹Al-Sam'ani, *Kitab al-Ansab*, Leiden, 1912M, h.498.

sebuah kota yang terkenal di Asia Tengah.² Selain itu, beliau juga dihubungkan kepada al-Ansar (al-Ansari) kerana dikatakan beliau berketurunan daripada sahabat nabi, Abu Ayyub Khalid bin Zayd bin Kulayb al-Ansari.³

Berhubung dengan kaum keluarganya, tidak ada sebarang maklumat diperolehi mengenainya.⁴ Tarikh lahirnya tidak dapat dipastikan dengan tepat tetapi kemungkinan di sekitar pertengahan abad ke-3/9.⁵ Kemungkinan beliau dilahirkan pada tahun 238/852 berdasarkan perkiraan bahawa ketika gurunya, Muhammad bin Muqatil al-Razi wafat pada tahun 248/862, al-Maturidi berusia 10 tahun.⁶

Sekiranya benar, ini bererti beliau mempunyai usia yang panjang lebih kurang 95 tahun kerana beliau wafat pada tahun 333/944 di Samarqand.⁷ Jika berdasarkan kenyataan di atas, bererti al-Maturidi dilahirkan pada zaman pemerintahan Khalifah 'Abbasiyyah, al-Mutawakkil (232 - 247/847 - 861) yang sedang memerangi kepercayaan-kepercayaan Mu'tazilah dan mendokong aliran tradisi/ortodoks (Sunni).

Beliau merupakan salah seorang pengikut Abu Hanifah dengan mempelajari fiqh dan kalam mazhab Hanafi di Samarqand yang pada masa tersebut sedang berkembang di kawasan-kawasan sebelah timur. Di antara guru-guru bermazhab al-Hanafi yang mengajarnya ialah Muhammad bin Muqatil al-Razi (m. 248/862), Abu Bakr Ahmad bin Ishaq al-Juzjani, Abu Nasr Ahmad b. al-'Abbas al-'Iyadi yang lebih dikenali al-Faqih al-Samarqandi dan Nusayr bin Yahya al-Balkhi (m. 268/881). Semuanya merupakan murid-murid Abu Hanifah (m. 150/767).⁸

²Ibn al-Athir, *al-Lubab fi Tahdhib al-Ansab*, Kaherah, 1369H, h.76; Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, Kaherah, 1955, I, h.365.

³Al-Sayyid al-Murtada al-Zabidi, *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin bi-Syarah Asrar Ihya' 'Ulum al-Din*, Kaherah, 1893, II, h.5; al-Sam'ani, *op.cit.*, h.498; al-Bayadi, *Isyarat al-Maram min 'Ibarat al-Imam*, Kaherah, 1949, h.23.

⁴Al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, Beirut, 1970, h.2.

⁵Menurut W.M. Watt, kemungkinan beliau dilahirkan sekitar tahun 256/870. *The Formative Period of Islamic Thought*, Edinburgh, h.312.

⁶Ayyub, A.K.M, "Maturidism", dlm. (ed) M.M.Shariff, *A History of Muslim Philosophy*, Wiesbaden, 1963, I, h.260.

⁷Muhammad Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id*, Dar al-Fikr al-'Arabi, t.t, I, h.207.

⁸Al-Bayadi, *Isyarat al-Maram*, h.23.

Di antara hasil-hasil karyanya adalah seperti berikut:⁹

1. Kitab *Ta'wilat al-Qur'an @ Ta'wilat Ahl al-Sunnah*.
2. Kitab *Ma'khadh al-Syari'ah*.
3. Kitab *al-Jadal*.
4. Kitab *al-Usul (Usul al-Din)*.
5. Kitab *al-Maqalat*.
6. Kitab *al-Tawhid*.
7. Kitab *Bayan Wahm al-Mu'tazilah*.
8. Kitab *Radd Awa'il al-Adillah li al-Ka'bi*.
9. Kitab *Radd Tahdhib al-Jadal li al-Ka'bi*.
10. Kitab *Radd Wa'id al-Fussaq li al-Ka'bi*.
11. *Radd al-Usul al-Khamsah li Abi Muhammad al-Bahili*.
12. *Radd Kitab al-Imamah li ba'd al-Rawafid*.
13. Kitab *al-Radd 'ala al-Usul al-Qaramitah*.

Hasil-hasil karyanya yang masih selamat, di antara yang terkenal ialah:

1. Kitab *Ta'wilat al-Qur'an @ Ta'wilat Ahl al-Sunnah @ juga Ta'wilat al-Maturidiyyah fi Bayan Usul Ahl al-Sunnah wa Usul al-Tawhid*.

2. Kitab *al-Tawhid*.

3. Beberapa buah risalah aqidahnya dalam bentuk manuskrip (*makhtutat*) seperti *Risalah fi al-'Aqa'id*¹⁰ dan *Syarh al-Fiqh al-Akbar*.¹¹ Bagaimanapun kepastian tidak dapat diberikan sama ada ia mengandungi pemikirannya sendiri ataupun para pengikutnya.¹²

Sebagai penghormatan kepadanya terhadap keilmuannya dalam bidang teologi dan juga sumbangannya untuk mempertahankan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah,

⁹Ibn Qutlubugha, *Taj al-Tarajum fi Tabaqat al-Hanafiyyah*, Baghdad, 1962, h.59.

¹⁰Ia juga dikenali sebagai *Syarh al-Ibanah wa al-'Aqidah al-Maturidiyyah*.

¹¹Kedua-dua karya tersebut tidak dianggap karya al-Maturidi. (Lihat: *Kitab al-Tawhid*, h.7)

¹²W.M. Watt, *The Formative Period*, h.312.

sahabat dan orang ramai menggelarkannya sebagai '*Ilm al-Huda*,¹³ Imam al-Huda dan Imam al-Mutakallimin.¹⁴

PEMIKIRAN DAN PERBEZAAN DENGAN AL-ASY'ARI

Oleh kerana al-Maturidi merupakan salah seorang pengikut Abu Hanifah, banyak pemikiran teologinya mempunyai persamaan dengan Abu Hanifah.¹⁵ Sistem pemikiran teologi yang dihasilkan oleh al-Maturidi adalah termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, dan ia dikenali sebagai mazhab '*ilm al-kalam* (Usul al-Din) al-Maturidi.¹⁶ Kedua-dua al-Maturidi dan al-Asy'ari memfokuskan perhatian dan pemikiran mereka untuk menentang pemikiran Mu'tazilah. Al-Maturidi menghadapi Mu'tazilah di Samarqand, Asia Tengah manakala al-Asy'ari menghadapi Mu'tazilah di Iraq.

Menurut kebanyakan ulama termasuk Abu Zuhrah, pemikiran al-Maturidi lebih hampir kepada pemikiran Mu'tazilah berbanding dengan pemikiran al-Asy'ari. Berikut adalah di antara beberapa pemikiran al-Maturidi:

- 1) Mengetahui kewajiban wujudnya Allah (s.w.t) boleh diketahui dengan akal.¹⁷
- 2) *Af'al Allah*: Setiap sesuatu mempunyai ciri kebaikan dan keburukan pada zatnya sendiri. Allah terhindar daripada perbuatan sia-sia. Perbuatan Allah mempunyai hikmah.¹⁸
- 3) Sifat Allah: Berhubung dengan sifat Allah - al-Maturidi menetapkan sifat tetapi tidak membezakannya daripada zat (Allah) itu sendiri.¹⁹

¹³Lihat: Al-Maturidi, *op.cit*, h.1; al-Sayyid al-Murtada al-Zabidi, *Ithaf al-Sadah*, II, h.5.

¹⁴A.K.M.Ayyub, "*Maturidism*" dlm. *op.cit*, I, h.260.

¹⁵Lihat: Abu Hanifah, *Syarh al-Fiqh al-Akbar*, Hyderabad, 1321H,h.22.

¹⁶Harun Nasution, *Teologi Islam*, Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, 1972, h.72.

¹⁷Al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, h.3-4.

¹⁸*Ibid*, h.215; h.108.

¹⁹*Ibid*, h.44.

- 4) *Ru'ya Allah*: Berhubung dengan melihat Allah, al-Maturidi mengatakan boleh melihat Allah pada Hari Qiyamat.²⁰
- 5) *Af'al al-'Ibad*: Berhubung dengan perbuatan manusia sama ada *al-jabr* atau *al-ikhtiyar*, beliau mengatakan Allah pencipta segala-galanya termasuk perbuatan manusia. Balasan baik diperolehi dengan ikhtiar manusia, begitu juga yang buruk.
- 6) *Murtakib al-Kabirah*: Berhubung dengan pelaku dosa besar, al-Maturidi tidak memasukkan 'amal (perbuatan) sebagai sebahagian daripada Iman. Oleh itu, pelaku dosa besar tidak terkeluar daripada lingkungan iman. Pelaku dosa besar menurut al-Maturidi tidak kekal dalam neraka, walaupun mati tanpa bertaubat.
- 7) Mengenai al-Qur'an sama ada *ghayr makhluq* atau *makhluq*, al-Maturidi mengatakan Kalam Allah terdiri daripada makna yang berdiri dengan dhat-Nya. Ia merupakan sifat yang berhubung dengan dhat-Nya, *qadim* sama seperti dhat-Nya, tidak tersusun daripada huruf dan perkataan kerana huruf dan perkataan itu baru (*jadid*) dan setiap yang baru itu makhluq.
- 8) Ayat-ayat *mutasyabihat* dalam al-Qur'an seperti menggambarkan Allah mempunyai muka dan tangan, al-Maturidi mentakwilkannya berdasarkan ayat-ayat *muhkamah*.

Secara keseluruhannya, pemikiran al-Maturidi²¹ lebih hampir kepada pemikiran Mu'tazilah. Pada masa yang sama para ulama juga mengatakan ia merupakan penjelasan kepada pemikiran Abu Hanifah.²²

LATAR BELAKANG AL-MATURIDIYYAH

Al-Maturidiyyah adalah merujuk kepada sekumpulan pengikut yang menuruti pemikiran al-Maturidi. Kebanyakan ulama al-Maturidiyyah pula terdiri daripada para pengikut aliran fiqh al-Hanafiyah. Ini kerana pada umumnya, aliran pemikiran al-

²⁰*Ibid*, h.77.

²¹Al-Maturidi memusuhi golongan sufi mistik (zuhud) kerana terpengaruh dengan Abu Hanifah yang bersikap demikian. (D.B.Macdonald, *Development of Muslim Theology, Jurisprudence and Constitutional Theory*, India, t.t, h.309.)

²²Abu Zuhrah, *Tarikh al-Madhahib*, I, h.224.

Maturidiyyah berkembang di kawasan aliran al-Hanafiyyah. Bagaimanapun, mereka tidaklah sekuat para pengikut aliran al-Asy'ariyyah.²³ Di antara mereka ialah:

1. Abu al-Qasim Ishaq b. Muhammad @ al-Hakim al-Samarqandi (m.340/951).
2. Abu al-Yusr Muhammad al-Bazdawi (421-493/1030-1100).²⁴
3. Abu Hafis 'Umar bin Muhammad al-Nasafi (460-537/1068-1143).²⁵
4. Sa'd al-Din al-Taftazani (m.790/1388).
5. Kamal al-Din Ahmad al-Bayadi.
6. Abu al-Hasan 'Ali bin Sa'id al-Rastagfani.²⁶
7. Abu al-Laith al-Bukhara.

HUBUNGAN AL-MATURIDIYYAH DENGAN AL-HANAFIYYAH

Hubungan al-Maturidiyyah dengan al-Hanafiyyah bolehlah diumpamakan seperti hubungan al-Asy'ariyyah dengan al-Syafi'iyyah. Ia mempunyai kaitan dengan kedudukan pengasas aliran-aliran itu pada peringkat awal yang memilih mazhab-mazhab (fiqh) tertentu yang diketahui dan dipelajarinya. Seperti yang telah diketahui, oleh kerana perkembangan al-Hanafiyyah sedang pesat di kawasan Asia Tengah termasuk Samarqand, di mana al-Maturidi dibesarkan, keadaan tersebut tentunya akan meninggalkan pengaruh dan kesan yang sangat besar kepada pemikiran manusia yang mendiami kawasan tersebut.

PEMIKIRAN AL-MATURIDIYYAH

Bahan-bahan penulisan mengenai pemikiran al-Maturidi dan al-Maturidiyyah (para pengikutnya) tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan aliran al-Asy'ari dan al-Asy'ariyyah. Kebanyakan teks al-Maturidiyyah yang awal menyebutkan

²³Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, IV, h.95.

²⁴Ibn Qutlubugha, *Taj al-Tarajum*, h.65-66.

²⁵*Ibid*, h.47. 'Aqidah al-Nasafi adalah kepunyaan mazhab al-Maturidi. Al-Maturidi merupakan pengikut Abu Hanifah, begitu juga al-Tahawi yang kedua-duanya lebih mirip cenderung kepada Mu'tazilah dan Murji'ah. (Lihat: D.B.Macdonald, *op.cit*, h.187.)

²⁶Ibn Qutlubugha, *Ibid*, h.41.

doktrin-doktrin ulama Samarqand mengatasi al-Maturidi sendiri. Ulama al-Asy'ariyyah pada peringkat awal tidak mencatatkan keterangan berhubung dengan al-Maturidi dan al-Maturidiyyah dalam kitab-kitab mereka.

Al-Bazdawi mengetahui pemikiran al-Maturidi daripada datuknya yang merupakan salah seorang murid al-Maturidi. Murid al-Bazdawi yang terkenal ialah Najm al-Din Abu Hafs 'Umar bin Muhammad al-Nasafi.²⁷ Al-Bazdawi, salah seorang pengikut al-Maturidi yang penting tidak selama-lamanya bersependapat dengan gurunya. Di antara kedua-dua tokoh aliran al-Maturidiyyah ini, terdapat perbezaan pendapat sehingga akhirnya aliran al-Maturidiyyah boleh dibahagikan kepada dua golongan:

- 1) Golongan Samarqand - para pengikut al-Maturidi.
- 2) Golongan Bukhara - para pengikut al-Bazdawi.

Golongan Samarqand mempunyai pendapat yang lebih dekat dengan mazhab Mu'tazilah, manakala golongan Bukhara pula mempunyai pendapat yang lebih dekat dengan mazhab al-Asy'ari.²⁸ Aliran al-Maturidiyyah umumnya adalah teologi yang banyak dianuti oleh umat Islam yang berpegang kepada mazhab Hanafi. Bahkan dikatakan bahawa al-Maturidiyyah mengikuti doktrin Abu Hanifah tanpa batasan dalam dasar agama dan syariah (*dar al-usul al-din wa furu'i syari'at*).

HUBUNGAN AL-MATURIDIYYAH DAN AL-ASY'ARIYYAH

Dalam kitab *Miftah al-Sa'adah*²⁹ oleh Tasy Koprzadeh (m.967/1560) dikatakan bahawa tokoh terulung 'ilm al-kalam di kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terdiri daripada dua orang, seorang bermazhab Hanafi dan seorang lagi bermazhab Syafi'i yang merujuk kepada al-Maturidi dan al-Asy'ari.

Kitab Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah turut menjelaskan bahawa: "diketahui umum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di kawasan Khurasan, 'Iraq, Syam dan kawasan-kawasan lain terdiri daripada golongan al-Asya'irah manakala di kawasan Ma Wara al-Nahr pula terdiri daripada golongan al-Maturidiyyah."³⁰ Al-Zabidi

²⁷Harun Nasution, *Teologi Islam*, h.74.

²⁸*Ibid*, h.74.

²⁹Tasy Koprzadeh, *Miftah al-Sa'adat wa Misbah al-Siyadah*, Hyderabad, 1329H, II, h.21-22.

³⁰Al-Taftazani, *Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*, Kaherah, 1326H, h.17.

mengatakan secara mutlak, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dimaksudkan kepada al-Asy'ariyyah dan al-Maturidiyyah.³¹

Idea untuk penyamaan taraf di antara al-Maturidi dan al-Asy'ari serta al-Maturidiyyah dan al-Asy'ariyyah terdapat dalam *kitab al-Rawdat al-Bahiyyah fi-ma bayn al-Asya'irah wa al-Maturidiyyah* yang ditulis oleh Abu 'Udhbah pada tahun 1125/1713, hampir empat abad selepas al-Subki menghasilkan puisi *Nuniyyah* yang mengandungi usaha-usaha penyatupaduan di antara mazhab al-Asy'ariyyah dengan al-Maturidiyyah. Menurut Watt, *kitab al-Rawdat al-Bahiyyah* dikatakan diciplak daripada tafsiran Nur al-Din al-Syirazi mengenai puisi *Nuniyyah Taj al-Din al-Subki* (m.771/1370). Puisi *Nuniyyah* menceritakan ciri-ciri perbezaan antara al-Asy'ari dan "Abu Hanifah" seperti yang ditafsirkan oleh al-Maturidiyyah.

Al-Subki mendapati 13 ciri perbezaan di antara kedua-duanya, tujuh (7) perkara berbeza dari segi *lafziyyah* manakala yang bakinya dari segi *ma'nawiyah*. Menurut al-Subki lagi, ia tidak mungkin menyebabkan tuduhan kafir-mengkafir di antara satu sama lain.³² Puisi *Nuniyyah al-Subki* dihafal oleh ramai orang terutama oleh golongan al-Hanafiyyah - al-Maturidiyyah. Tafsiran mengenainya ditulis oleh Nur al-Din Muhammad bin Abi al-Tayyib al-Syirazi, ulama al-Syafi'iyah yang datang dari Gilan ke Damsyik pada tahun 757/1356. Beliau menghadiri pengajaran al-Subki³³ dan di atas permintaannya, tafsiran tersebut dihasilkan oleh al-Syirazi.³⁴

Pandangan al-Subki yang mengatakan teologi al-Asy'ariyyah dan al-Maturidiyyah telah diterimapakai oleh golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah untuk menghapuskan permusuhan yang terjadi berabad-abad lamanya di antara al-Asy'ariyyah - al-Syafi'iyah dengan al-Maturidiyyah - al-Hanafiyyah.³⁵ Kecenderungan untuk mengutamakan al-Maturidi daripada al-Asy'ari mungkin timbul kerana beliau lebih awal daripada al-Asy'ari mempertahankan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah daripada awal sehingga ke akhir hayatnya.³⁶ Sebaliknya al-Asy'ari

³¹*Ithaf al-Sadat*, II, h.6.

³²Al-Subki, *Tabaqat al-Syafi'iyah al-Kubra*, t.p, 1907, II, h.261.

³³*Ibid*, II, h.262.

³⁴W.M.Watt, *The Formative Period*, h.313.

³⁵W.Madelung, "The Spread of Maturidism and the Turks" dlm. *op.cit*, h.167.

³⁶Al-Bayadi, *Isyarat al-Maram*, h.23.

hidup dalam persekitaran intelektual Mu'tazilah dan masih berada dalam bayangan Mu'tazilah selama hampir 40 tahun sebelum mengubahkan pendiriannya mempertahankan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.³⁷

Dalam kebanyakan rujukan kepada karya-karya al-Maturidi menunjukkan bahawa pada abad ke-8/14 kelihatan al-Maturidi mulai diketahui umum. Alasan-alasan terjadi demikian adalah disebabkan:

1) Al-Maturidi tinggal dan berada di wilayah yang jauh dari pusat pemerintahan (Dunia Islam). Ulama Baghdad tidak berminat mengetahui peristiwa yang berlaku di Samarqand, walaupun sebelum tahun 390/1000, ulama teologi al-Maturidiyyah telah memasukkan kritikan mereka terhadap al-Asy'ariyyah dalam karya-karya mereka, mungkin disebabkan beberapa aliran al-Asy'ariyyah pada masa itu berada di tempat-tempat seperti di Nisyapur.³⁸

2) Kemungkinan ulama mazhab al-Hanafi secara umumnya kurang memberikan perhatian kepada kajian heresiografi dan juga biografi tokoh-tokoh terulung dalam mazhab mereka berbanding dengan ulama al-Asy'ariyyah.

Walaupun kurang diketahui, namun teologinya mencapai tahap tertinggi dan ia terus dikekalkan di kalangan golongan al-Hanafiyyah di wilayah-wilayah sebelah timur, walaupun mereka menamakan diri mereka sebagai para pengikut al-Maturidi.³⁹

SIKAP AL-MATURIDIYYAH TERHADAP AL-ASY'ARIYYAH

Pada peringkat awal, sikap al-Maturidiyyah terhadap al-Asy'ariyyah ataupun sebaliknya adalah berhubung rapat dengan keadaan dan suasana pemerintahan pada masa tersebut. Oleh kerana kedua-dua mazhab kalam al-Maturidiyyah dan al-Asy'ariyyah pada masa ini belum lagi disatukan dalam induknya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, seringkali dapat dilihat keadaan ketegangan dan pergeseran yang agak ketara wujud akibat sikap taksab kepada *firqah* (mazhab) masing-masing.

Namun begitu, menerusi usaha-usaha pemerintahan Mamluk (Bahri) di Mesir khususnya, hubungan di antara kedua-duanya dapat disatukan setelah kesemua empat mazhab (fiqh) dan dua mazhab (kalam) diterima sebagai mazhab rasmi kerajaan. Pengiktirafan ini mengubahkan hubungan kedua-duanya.

³⁷Ibn 'Asakir, *Tabayin Kadhib al-Muftari fi-ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Asy'ari*, Damsyiq, 1347H, h.19.

³⁸Al-Maturidi, *Kitab al-Tawhid*, h.10; W.Madelung, *op.cit.*, h.110-112.

³⁹W.M. Watt, *The Formative Period*, h.313.

PERKEMBANGAN AL-MATURIDIYYAH DALAM DUNIA ISLAM

PERINGKAT AWAL - ASIA TENGAH

Golongan al-Hanafiyyah menjadi begitu penting di kawasan-kawasan tengah dunia Islam menerusi sokongan Saljuq, Mamluk dan 'Uthmaniyyah. Kemungkinan pada abad ke-8/14 ataupun lebih awal dari itu, mereka cuba mencari tokoh terkemuka yang setaraf dengan al-Asy'ari.⁴⁰ Doktrin Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (iaitu al-Maturidiyyah) diiktiraf dalam negara-negara di sebelah Timur dan China di kalangan ulama fiqh Khurasan, Ma Wara al-Nahr (Transoxania), Ghaznah dan kawasan-kawasan Turki (*Diyar al-Turk*).⁴¹ Negara-negara di sebelah Timur dan China (*Bilad al-Syarq wa al-Sin*) merujuk kepada kawasan-kawasan Qarakhaniyyah yang memberikan gelaran "Raja Timur dan China" (*Malik al-Syarq wa al-Sin*), manakala China bermaksud kawasan Khotan. Kawasan Khurasan pula merujuk kepada kawasan sebelah timur Khurasan. Khurasan yang terpengaruh dengan doktrin al-Maturidiyyah meliputi kawasan Merw dan Balkh. Nama-nama kawasan tersebut hanya sedikit sahaja berbeza dari segi istilah: Samarqand, Bukhara dan seluruh Ma Wara al-Nahr sehingga ke penghujung kota-kota sempadan Turki (*ila Aqsa Thughur al-Turk*).

Bagaimanapun, apa yang lebih penting bagi masa hadapan adalah hakikat bahawa doktrin al-Maturidiyyah telah diterimapakai oleh orang-orang Turki di seluruh kawasan taklukan mereka di Asia Tengah.⁴² Oleh kerana orang-orang Turki berada di bawah penguasaan dinasti Ghaznawi, kemungkinan mereka juga menyebelahi pengukuhan mazhab dan pengaruh al-Maturidiyyah di negara Ghaznah. Ini dibuktikan dengan sebilangan besar orang Turki sejak abad ke-5/11 merupakan para pengikut al-Hanafiyyah kerana para ulama al-Hanafiyyah berada hampir di seluruh kawasan Asia Tengah yang didominasi oleh Turki.⁴³ Sebagai contoh dikatakan bahawa Abu 'Imran al-Samarqandi, pendakwah al-Hanafiyyah - al-Maturidiyyah dari aliran Samarqand telah mengislamkan kira-kira 50,000 orang bukan Islam, khususnya Turki.

⁴⁰*Ibid*

⁴¹Lihat: Otto Loth, *A Catalogue of the Arabic Manuscripts of the India Office, London, 1877*, h. 101

⁴²Contoh 'Aqidah al-Nasafi bercorak al-Maturidiyyah digunakan dengan meluas dalam madrasah-madrasah Turki. (Lihat: D.B. Macdonald, *Development*, h. 207)

⁴³W.Madelung, "*The Spread of Maturidism and the Turks*", dalam *op.cit.*, h.119

Oleh kerana doktrin al-Maturidiyyah Samarqand diterima umum di kalangan orang Turki di Asia Tengah, ia mulai mendapat perhatian para ulama Islam, terutama para ulama al-Asy'ariyyah pada awal pemerintahan Saljuq, ketika orang-orang Turki meluaskan penguasaan mereka ke kawasan-kawasan tengah dunia Islam.⁴⁴

Dominasi mutlak al-Maturidiyyah - al-Hanafiyyah telah menjadikan orang-orang di kawasan Ma Wara al-Nahr dan orang-orang Turki yang bermazhab Hanafi lebih bersifat taksub dan tidak bersedia bertoleransi. Sikap dan sifat tidak bersedia bertoleransi ini ditujukan kepada segelintir pengikut al-Asy'ariyyah - al-Syafi'iyyah yang mendiami kawasan Ma Wara al-Nahr, juga di Khurasan dan kawasan-kawasan Parsi lain yang menjadi lawan utama mazhab al-Hanafiyyah.

Di Khurasan, mazhab al-Syafi'i didominasi oleh al-Asy'ariyyah. Ulama kalam aliran Samarqand menentang al-Asy'ariyyah dan juga al-Mu'tazilah. Mereka tidak menganggap al-Asy'ariyyah sebagai sebahagian daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.⁴⁵

ZAMAN SALJUQ

Dalam zaman Saljuq, isu-isu utama yang berhubung dengan situasi beragama merujuk kepada keadaan orang-orang Turki, sama ada pemerintah mahupun tentera-tentara biasa bermazhab al-Hanafi yang ekstrim, permusuhan mereka yang ketara terhadap al-Asy'ariyyah dan reaksi al-Asy'ariyyah - al-Syafi'iyyah yang kuat.

Pada zaman Tughril-Beg (m.455/1063), beliau mengadakan polisi untuk mengukuhkan amalan al-Hanafiyyah dalam perhimpunan di masjid-masjid dengan melantik para qadi al-Hanafiyyah dalam semua kota di bawah kekuasaannya. Di Nisyapur, beliau memecat khatib masjid, Abu 'Uthman al-Sabuni yang bermazhab al-Syafi'i dan menggantikannya dengan khatib bermazhab al-Hanafi. Di Rayy, beliau memperkuatkan pengaruh al-Hanafiyyah dengan mendirikan masjid baru untuk mereka dan melantik Abu al-Hasan Isma'il bin Sa'id dan sepupunya, Abu Sa'd Yahya bin Muhammad (al-Hanafiyyah) sebagai ketua Qadi (*Qadi al-Qudat*).

Di Isfahan, Tughril-Beg melantik ketua qadi bermazhab al-Hanafi untuk mengawal masjid. Di Baghdad, selepas kematian Ibn Makula, ketua qadi di kota

⁴⁴*Ibid*, h.124.

⁴⁵*Ibid*, h. 125. (Contohnya: Abu Syakur al-Salimi tanpa sebarang prasangka menolak doktrin al-Asy'ariyyah tertentu secara langsung.)

tersebut. Tughril-Beg dengan campurtangan wazirnya, al-Kunduri telah menggantikannya dengan Abu 'Abd Allah al-Damaghani, ulama al-Hanafiyyah. Pada tahun 445/1053, dua tahun sebelum memasuki Baghdad, Tughril mengeluarkan arahan melaknat golongan al-Asy'ariyyah daripada mimbar-mimbar masjid di Khurasan.

Penindasan terhadap al-Asy'ariyyah berakhir hanya selepas kematian Tughril-Beg menerusi Nizam al-Mulk, wazir kepada Alp Arslan (m.465/1072) yang menggantikan Tughril-Beg. Di Nisyapur, Abu 'Ali al-Mani'i selaku penaung mazhab al-Syafi'i telah diberikan kebenaran oleh Alp Arslan untuk mendirikan masjid yang kedua untuk membolehkan golongan al-Syafi'iyah melakukan amalan-amalan menurut mazhab mereka sendiri.

Alp Arslan juga bersetuju membayar gantirugi kepada golongan al-Syafi'iyah di atas kezaliman yang mereka deritai di bawah pemerintahan Tughril-Beg tanpa menarik sebarang keistimewaan yang telah diberikan kepada golongan al-Hanafiyyah. Nizam al-Mulk sendiri menceritakan sikap fanatik dan prejudis golongan al-Hanafiyyah yang begitu kuat terhadap golongan al-Syafi'iyah oleh Sultan Saljuq.⁴⁶

Selepas kematian Alp Arslan, barulah Nizam al-Mulk berani membuat sokongan politik secara terbuka kepada al-Asy'ariyyah, sedangkan sebelumnya beliau hanya melakukannya secara berhati-hati semasa pemerintahan Alp Arslan kerana perasaan anti-al-Syafi'iyah masih wujud.⁴⁷ Di Damsyik, pengaruh al-Hanafiyyah begitu kukuh dengan ulama al-Hanafiyyah dari kawasan sebelah timur (Ma Wara al-Nahr) berterusan datang dan mendiami kota tersebut. Mereka diterima sebagai guru.

Pada abad ke-7/13, dua orang daripada mereka, Jamal al-Din Mahmud bin Ahmad al-Hasiri⁴⁸ (m.636/1238) dari Bukhara menjadi al-ustadh (profesor) di madrasah Nuriyyah di Damsyik. Seorang lagi, Jalal al-Din 'Umar bin Muhammad al-Khabbazi⁴⁹ (m.691/1291) dari Hujanda di Bukhara mengajar di Khwarizm dan

⁴⁶Nizam al-Mulk, *The Book of Government*, Routledge & Kegan Paul, London, 1960, h.88.

⁴⁷W.Madelung, "The Spread of Maturidism and the Turks" dlm. *op.cit.*, h.130-131.

⁴⁸Ibn Qutlubugha, *Taj al-Tarajum*, h.69.

⁴⁹*Ibid*, h.47.

Baghdad. Ramai ulama al-Hanafiyyah yang tidak begitu terkenal dari kawasan sebelah timur mengajar di Damsyik dalam abad ke-6/12 dan 7/13.⁵⁰

ZAMAN ATABEGS - ZANGI

Nur al-Din Mahmud bin Zangi (541 - 569/1146 - 1173), seorang Atabeg Syria memainkan peranan besar mengukuhkan penguasaan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Aleppo dalam zaman pemerintahannya (541 - 569/1146 - 1174). Untuk golongan al-Maturidiyyah - al-Hanafiyyah, Nur al-Din membina sebuah madrasah terbesar, Halawiyyah pada tahun 543/1148 dengan melantik Burhan al-Din al-Balkhi dari Damsyik sebagai profesor, seterusnya beberapa orang pengganti selepasnya termasuklah 'Ala' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud bin Ahmad al-Kasani (m.587/1191) yang merupakan murid serta menantu 'Ala al-Din Muhammad bin Ahmad al-Samarqandi, tokoh ulama al-Maturidiyyah.⁵¹ Al-Kasani meletakkan asas keilmuan al-Hanafiyyah yang kukuh di Aleppo seperti yang pernah dilakukan oleh Burhan al-Din al-Balkhi di Damsyik. Pembantu al-Kasani di Halawiyyah ialah Ahmad bin Muhammad bin Mahmud al-Ghaznawi yang bermazhab al-Maturidiyyah (m. selepas 593/1197).⁵²

Husam al-Din al-Husayn @ al-Hasan bin 'Ali al-Sighnaqi⁵³ (m.711/1311) merupakan tokoh al-Hanafiyyah dan al-Maturidiyyah yang terkenal berasal dari Sighnaq di Turkestan. Beliau pernah belajar di Ma Wara al-Nahr dan mengajar di Baghdad di tempat Abu Hanifah dan kemudian datang ke Damsyik dan Aleppo pada awal abad ke-8/14.

Nur al-Din dikatakan tokoh bermazhab al-Hanafi yang juga turut menyebelahi mazhab al-Syafi'i dan al-Maliki. Polisiya dalam aspek agama adalah untuk mengukuhkan seluruh fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan menggalakkan penyatupaduan Sunni bagi menentang fahaman-fahaman Islam lain yang berbeza dengannya dalam apa bentuk sekalipun dan juga jihad menentang tentera Salib. Polisi Nur al-Din yang memberikan sokongan meluas kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara menyeluruh telah mencetuskan semangat taksib kepada mazhab di

⁵⁰W. Madelung, *op.cit*, h.150.

⁵¹Ibn Qutlubugha, *Taj al-Tarajum*, h.60.

⁵²W. Madelung, "The Spread of Maturidism and the Turks" dlm. *op.cit*, h.154-155.

⁵³Ibn Qutlubugha, *op.cit*, h.25.

kalangan mazhab-mazhab Sunni. Polisi keagamaan oleh para penggantinya juga menjurus arah yang sama seperti yang telah ditetapkannya.

ZAMAN AYYUBIYYAH

Di Aleppo, dalam zaman pemerintahan 'Imad al-Din Zangi bin Mawdud (566 - 594/1170 - 1197), seorang Atabeg Sinjar semasa kota itu diserahkan kepada Salah al-Din pada tahun 579/1183, berlaku keganasan di antara kedua-dua mazhab, al-Hanafiyyah dan al-Syafi'iyah kerana kedua-dua pemerintah itu berbeza dalam sokongan mereka. Ini kerana Salah al-Din (564 - 589/1169 - 1193), atas hasutan faqih al-Syafi'iyahnya, 'Isa al-Hakkari melantik ulama al-Syafi'iyah di kota tersebut menggantikan ulama al-Hanafiyyah.

Sikap Salah al-Din terhadap mazhab al-Hanafi tidaklah negatif sepenuhnya. Sewaktu kembali ke Qahirah pada tahun 572/1176-7, selain madrasah untuk golongan al-Syafi'iyah didirikan dekat maqam al-Syafi'i di al-Qarafa,⁵⁴ beliau juga membina madrasah untuk golongan al-Hanafiyyah yang pertama di Mesir, iaitu al-Suyufiyyah dengan melantik ulama al-Hanafiyyah bernama Majd al-Din Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Khutani dari kawasan sebelah timur sebagai profesor.⁵⁵ Madrasah al-Hanafiyyah telah dibina oleh dinasti Ayyubiyyah. Dalam dinasti tersebut, penubuhan madrasah secara bersama antara kedua-dua mazhab menjadi suatu kebiasaan.

Pada tahun 639/1242, al-Malik al-Salih Najm al-Din Ayyub (637 - 647/1240 - 1249), pemerintah ke-7 dinasti Ayyubiyyah, menuruti jejak langkah Khalifah al-Mustansir dalam penubuhan dan perasmian madrasah al-Mustansariyyah pada tahun 631/1234, telah mengasaskan madrasah untuk keempat-empat mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Mesir.⁵⁶

ZAMAN MAMLUK (BAHRI)

Kerajaan Mamluk di Mesir yang menggantikan kerajaan Ayyubiyyah mengamalkan prinsip persamaan di antara keempat-empat mazhab dalam polisi

⁵⁴Al-Maqrizi, *al-Khitat al-Maqriziyyah*, Matba'ah al-Nayl, 1325H, III, 383.

⁵⁵W. Madelung, *op.cit.*, h.162.

⁵⁶Al-Maqrizi, *al-Khitat al-Maqriziyyah*, III, h.383; Ibn al-Tughribirdi, *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah*, Kaherah, 1357/1938, VII, h.341.

agama mereka. Pada 29⁵⁷ Dhu al-Hijjah 663/12 Oktober 1265, Sultan al-Malik al-Zahir Rukn al-Din Baybars al-Bunduq dari menggantikan seorang ketua qadi al-Syafi'iyah di Qahirah dengan melantik empat (4) orang ketua qadi yang bebas mengamalkan mazhab mereka masing-masing. Di antara mereka ialah al-Taj 'Abd al-Wahhab bin Bint al-A'azz al-Syafi'i, Sadr al-Din Sulayman al-Hanafii, Syaraf al-Din 'Umar al-Subki al-Maliki (m.669H) dan al-Syaikh Syams al-Din Muhammad ibn al-Syaikh al-'Imad al-Hanbali.⁵⁸

Pada tahun berikutnya, beliau melakukan perkara yang sama di Damsyik.⁵⁹ Pada tahun 665/1266 dalam zaman pemerintahannya, ketika perkembangan pesat keempat-empat mazhab tersebut ke seluruh dunia Islam, para ulama akhirnya mengeluarkan fatwa "*mewajibkan bertaqlid kepada mazhab-mazhab tersebut dan mengharamkan bertaqlid kepada mazhab-mazhab selainnya.*"⁶⁰

Madrasah bagi keempat-empat mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah didirikan di Qahirah oleh Sultan Mamluk, al-Mansur al-Qala'un (m.689/1290),⁶¹ anaknya al-Nasir Muhammad pada tahun 703/1303-4, cucu-cucunya al-Salih Isma'il (m.746/1345) [pemerintah ke-17] dan al-Nasir Hasan (m.762/1361) [pemerintah ke-20], juga oleh al-Zahir Barquq (Dinasti Mamluk [Burji]) pada tahun 788/1386 dan oleh Ustad Jamal al-Din pada tahun 811/1408.

ZAMAN 'UTHMANIYYAH

Kerajaan 'Uthmaniyyah yang menggantikan dinasti Mamluk [Burji] telah memberikan pengiktirafan terhadap perundangan al-Hanafiyyah sebagai perundangan rasmi negara. Justeru itu, pada masa yang sama, mereka turut sama mengiktiraf pemikiran 'ilm al-Kalam golongan al-Maturidiyyah. Mereka menganggap teologi al-Maturidiyyah mempunyai kedudukan dan taraf yang sama

⁵⁷Ibn Kathir menyebutkan peristiwa itu berlaku pada 22 Dhu al-Hijjah di Dar al-'Adl, (*al-Bidayah wa al-Nihayah*, Beirut, 1980, XIII, h.245) manakala al-Yunini menyebutkan pada tarikh 12 Dhu al-Hijjah. (*Dhayl Mir'at al-Zaman*, Osmania Oriental Publications Bureau, 1954-61, II, h.324.

⁵⁸Ibn al-Tughribirdi, *op.cit.*, VII, h.122; al-Yunini, *ibid*, II, h.324; Ibn Kathir, *ibid*, XIII, h.245.

⁵⁹Ibn al-Tughribirdi, *ibid*, VII, h.121.

⁶⁰Al-Maqrizi, *op.cit.*, IV, h.161; al-Syawkani, *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*, Misr, 1356/1937, h.253; Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, IV, h.213.

⁶¹Al-Maqrizi, *ibid*, II, h.379.

dengan teologi al-Asy'ariyyah.⁶² Ini dengan sendirinya mengangkat kedudukan al-Maturidiyyah menjadi salah satu daripada dua aliran pemikiran yang terpenting selain al-Asya'irah dalam madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara keseluruhan dan sehingga kini, keadaan tersebut masih dan terus berkekalan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aliran al-Maturidi dan al-Maturidiyyah pada tahap awal berkembang secara tersendiri terutama di kawasan sebelah timur dunia Islam, dan secara khususnya di kalangan orang-orang yang berbangsa Turki. Aliran ini di peringkat awal tidaklah begitu dominan memandangkan kedudukannya yang agak terpinggir daripada pusat perkembangan dunia Islam yang didominasi oleh aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah. Namun demikian, dengan adanya usaha penyatupaduan madhhab yang dilakukan oleh kedua-dua pihak termasuk campurtangan para pemerintah dalam dunia Islam, aliran al-Maturidi dan al-Maturidiyyah telah diterima dan diakui umum mempunyai kedudukan dan mendapat pengiktirafan yang sama dengan aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah dalam madhhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

⁶²W. Madelung, "The Spread of Maturidism and the Turks" dlm. *op.cit.*, h.109.